

PAKATAN RAKYAT

Kerajaan Berjiwa Rakyat, Adil kepada Semua

MARTABATKAN ORANG MELAYU

- Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mengamalkan sistem tender terbuka di dalam semua kontrak dan pembelian kerajaan melalui internet (e-tender).
- Melalui pengamalan prinsip CAT (Cekap, Akauntabel dan Telus), Pulau Pinang adalah kerajaan negeri pertama yang menerima pujian daripada '*Transparency International*' dengan lebih Belanjawan RM88 juta pada 2008.
- Semenjak kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan:
 - Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan 23 tender terbuka yang mana 7 (30%) telah dimenangi oleh kontraktor bukan Melayu manakala baki 16 (70%) tender dimenangi oleh kontraktor Melayu;
 - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang telah melaksanakan 66 tender terbuka memperlihatkan 22 tender (33%) dimenangi oleh kontraktor bukan Melayu dan 44 (67%) dimenangi oleh kontraktor Melayu.

Hasil Tender Terbuka

Perbadanan Bekalan Air P.Pinang(PBAPP)

	Bilangan	Total Amaun
Kontraktor Melayu	44(67%)	RM67,837,302.54(60%)
Kontraktor bukan Melayu	22(33%)	RM45,335,093.50(40%)

Melalui sistem tender terbuka, kontraktor kelas F yang semuanya dari golongan Melayu/Bumiputera, buat kali pertama mendapat peluang tanpa perlu jadi kroni mana-mana parti politik.

Sebelum ini, kontrak-kontrak hanya diberikan kepada pihak-pihak tertentu dan kontraktor yang bukan anak negeri.

Terbukti Melayu “BOLEH!” & Berdaya Saing Dengan Sendirinya

Bilangan Kontraktor Perolehan Bekalan / Perkhidmatan / Kerja Bertaraf Bumiputera / Bukan Bumiputera Bagi Tahun 2008 & 2009 MPPP

Kontraktor	Sebut Harga		Tender	
	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Bumiputera	Bukan Bumiputera
2008	78 (69.03%)	35 (30.97%)	1 (50%)	1 (50%)
2009	89 (82.4%)	19 (17.6%)	45 (88.23%)	6 (11.76%)

- Sistem tender terbuka ini telah menunjukkan dengan jelas bahawa kontraktor Melayu lazimnya dapat bersaing dengan kontraktor bukan Melayu dan berjaya memperoleh kontrak ditawarkan **melalui merit dan KEBOLEHAN MEREKA SENDIRI.**

Rumusan:

(1) Bukan kaum, bangsa atau warna kulit yang menjadi penentu tetapi kemampuan, kebolehan dan kecekapan diri kita sendiri. Nilai-nilai ini memang telah lama tersemai di dalam sanubari orang Melayu.

(2) Pakatan Rakyat telah membuktikan bahawa orang Melayu mampu bersaing dalam apa jua bidang yang diceburi.

Amar Ma'aruf Nahi Mungkar

- Kerajaan Pakatan Rakyat memartabatkan para huffaz yang selama ini tidak pernah diberikan status melalui penganugerahan, pengiktirafan dan penghargaan khas.
- 17 Sekolah Agama Rakyat yang sebelum ini tidak pernah diberikan perhatian telah diberikan bantuan RM100,000 sebuah.

- Majlis Syura juga julung kali ditubuhkan berperanan sebagai penasihat dan pencetus idea kepada pentadbiran hal ehwal agama Islam di negeri Pulau Pinang.
- Kerajaan Pakatan Rakyat telah menambah peruntukan hal ehwal agama Islam dari RM12.5 juta pada tahun 2008 yang disediakan oleh kerajaan lama kepada RM20.5 juta pada tahun 2009 dan jumlah tersebut meningkat kepada RM24.3 juta bagi tahun ini.

Rumusan:

Orang Melayu di Pulau Pinang bukan sahaja menikmati hasil sistem tender terbuka yang diamalkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat tetapi juga jaminan hak dan hal ehwal agama Islam.

FAKTA-FAKTA YANG TIDAK BOLEH DINAFIKAN:

- Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melantik YDP MPPP wanita-Arkitek Patahiyah Ismail.
- Ganjaran sebanyak RM10,000 yang digelar Hadiah “i” diberikan kepada pegawai yang berani tampil ke depan untuk membongkar segala bentuk penyelewengan di dalam pentadbiran kerajaan. Tujuannya untuk menggalakkan integriti dan memupuk semangat integriti di kalangan kakitangan awam negeri.
- Hadiah “i” yang pertama telah berjaya dimenangi oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Dato Haji Yusuf bin Musa. Beliau telah membongkar penyelewengan melebihi RM500 Ribu di Mahkamah Syarie, yang melibatkan bayaran balik Bon Jamin yang dilesapkan. (hadiah i.jpg)
- Pulau Pinang telah menjadi negeri pertama di Malaysia yang berjaya membasmi miskin tegar dan memastikan setiap keluarga memperolehi RM500 sebulan dalam masa setahun-apa yang BN gagal dalam masa 51 tahun.
- Daripada 319 pemohon yang menerima pinjaman di bawah tabung pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR), 256 atau 80.3 peratus daripadanya adalah orang Melayu. Kerajaan Negeri memberikan mereka pinjaman tanpa faedah dengan jumlah maksimum RM5,000. Tabung ini khusus untuk faedah golongan bawahan.

Berani Kerana Benar

Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Menolak Dasar Perkauman Dalam Isu Tindakan Penguatkuasaan

Bilangan Struktur Haram Yang Dirobuhkan Di Kepulauan P.Pinang tahun 2008 hingga 2009

Tahun	Melayu	BukanMelayu
2008	3	5
2009	4	16
2010	2	0
Jumlah	9(30%)	21(70%)

TINDAKAN PEROBOHAN DI BAWAH SEKSYEN 425 KANUN TANAN NEGARA 1965

Pejabat Daerah Dan Tanah, SPU, SPT & SPS

Tahun	Melayu	BukanMelayu
2008	2	7
2009	5	25
Jumlah	7(18%)	32(82%)

Rumusan

- (1) Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Pulau Pinang tidak pernah mengeluarkan dasar khas untuk mengenakan tindakan terhadap mana-mana kaum berhubung tindakan penguatkuasaan.
- (2) Statistik menunjukkan tindakan penguatkuasaan adalah dilaksanakan di atas pertimbangan tidak pematuhan undang-undang dan Undang-Undang Kecil dan BUKANNYA di atas pertimbangan kaum.
- (3) Ada beribu-ribu struktur haram di P.Pinang tidak diambil tindakan kerana kerajaan PR bertimbang rasa dan prihatin tentang masalah rakyat.
- (4) Dakwaan bahawa Melayu dipinggirkan adalah tidak benar sama sekali, hanya kroni BN tidak dapat kontrak.